

**PUNCA MASALAH SOSIAL DIKALANGAN REMAJA: Lumba  
Haram Di Bandaraya Kuching Sebagai Tumpuan Kajian**

**OLEH**

**NORITA LAGANG**

**NORMAH SUNI**

**NORHANIZAN ABD. RAHMAN**

**PATRICIA PRISCILLA LOMAS**

**WILFRED BALANG SINGA**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN**

**OKTOBER 2000**

# **SURAT PENYERAHAN KERTAS PROJEK**

Diploma Pentadbiran Awam

Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang

Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan

Jalan Meranek

94300 Kota Samarahan

12 Oktober 2000

Encik Nicholas Amin

Ketua Koordinator Diploma Pentadbiran Awam

Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang

Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan

94300 Kota Samarahan

Tuan

## **Penyerahan Kertas Projek**

Dengan suka citanya kami menyerahkan kertas projek kami yang bertajuk “ Punca Masalah Sosial Dikalangan Remaja : Lumba Haram di Bandaraya Kuching Sebagai Tumpuan Kajian” kepada pihak tuan untuk membuat penilaian dan komen seperti mana yang dikehendaki bagi memenuhi syarat kajian Pentadbiran dan Undang-undang.

## ABSTRAK

Lumba haram merupakan satu isu yang mungkin tidak ada jalan penyelesaian. Oleh itu kajian ini dibuat untuk mengupas mengenai keterlibatan remaja dalam aktiviti lumba haram, faktor pendorong, pandangan atau respon daripada masyarakat dan remaja serta langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini.

Lumba haram seolah-olah telah menjadi kebiasaan bagi masyarakat moden pada masa kini dan ia sukar dibanteras walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Lumba haram banyak memberi kesan negatif terutamanya kepada remaja yang terlibat.

Dari hasil kajian ini, didapati bahawa aktiviti lumba haram sememangnya semakin mendapat perhatian daripada remaja dan sukar untuk diatasi kerana ia sudah menjadi kebiasaan bagi remaja. Remaja yang terlibat tidak serik untuk mengulangi perbuatan tersebut walaupun pernah ditangkap. Mereka seolah-olah tidak risau akan kesan yang bakal diterima, lebih-lebih lagi tindakan mereka ini akan mempengaruhi masa depan sendiri. Oleh itu komen dan cadangan daripada remaja penting dalam mendapatkan gambaran sebenar supaya aktiviti ini dapat diatasi dengan lebih berkesan.

## SENARAI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Surat penyerahan projek	i	
Perakuan	iii	
Penghargaan	v	
Abstrak	vii	
Senarai jadual	x	
Senarai graf	xiii	
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.0	Pengenalan	1 - 4
1.1	Latar belakang kajian	5 - 7
1.2	Skop kajian	8 - 9
1.3	Objektif kajian	10
1.4	Penyata masalah	11
1.5	Hipotesis	12
1.6	Kepentingan kajian	13
1.7	Andaian	14
1.8	Sumbangan kajian	15
1.9	Susunan bab	16 - 17
1.10	Pengkonstren kajian	18
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATURE</b>	<b>19 - 23</b>
<b>BAB3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>24 - 26</b>

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Tajuk penyelidikan yang akan dibincangkan ialah Punca Masalah Sosial Dikalangan Remaja Di Bandaraya Kuching : Lumba Haram Sebagai Tumpuan Kajian.

Walaubagaimanapun, penyelidikan ini hanya melibatkan para remaja di bandaraya Kuching sahaja. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Sarawak, remaja di bandaraya Kuching adalah seramai 95.8 ribu orang pada pertengahan tahun 1999. Oleh sebab itu, sebelum meninjau lebih jauh lagi mengenai penyelidikan ini, terlebih dahulu dijelaskan mengenai definisi tajuk penyelidikan ini.

*Punca* membawa maksud tingkat pertemuan, pengantar atau pendahuluan pengetahuan<sup>1</sup>. Manakala *masalah* didefinisikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran atau kesulitan. Ini juga didefinisikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian<sup>2</sup>. *Sosial* membawa maksud segala yang berkaitan dengan masyarakat, hiburan, pergaulan atau kelapangan dan istilah ini biasanya dikaitkan dengan sekumpulan orang ramai atau hak mereka sebagai ahli masyarakat<sup>3</sup>.

Seterusnya perkataan *kalangan* pula mempunyai maksud yang sama dengan golongan atau lingkungan. Manakala *remaja* merupakan satu jangka masa selepas alam

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan, Edisi 3 (BM), DBP, Kuala Lumpur (1996), m.s 1069.